

# Ambil alih jualan kenderaan untungkan Sime Darby, BMW

UM 29 MAY 2002

KUALA LUMPUR 29 Mei — Pemegang francais penjualan kereta BMW, Sime Darby Bhd. (Sime Darby) menjangka keputusan pengambil alihan hak penjualan kenderaan itu di Malaysia oleh Bavaria Motor Works AG (BMW) daripada kumpulan tersebut akan menguntungkan kedua-dua pihak.

Ketua Eksekutif Kumpulan, Tan Sri Nik Mohamed Yaacob berkata, pengambilan hak penjualan itu akan memberi kesan kepada prestasi kewangan kumpulan pada masa depan.

"Kami telah mengadakan beberapa perjumpaan dengan pegawai BMW bagi mendapatkan gambaran apa yang mereka akan lakukan dan ia meliputi perbincangan untuk mendapatkan keputusan 'menang-menang' kepada kedua-dua pihak," katanya.

Beliau menyatakan demikian pada sidang media mengenai keputusan prestasi kewangan suku ketiga Sime Darby yang berakhir 31 Mac 2002, di sini, hari ini.

Selain daripada memegang hak penjualan dan pemasangan di Malaysia, Sime Darby turut mem-

egang hak francais di Singapura, Hong Kong dan beberapa wilayah di China.

Tindakan BMW itu dilihat selari dengan hasratnya untuk membuka ibu pejabat bagi wilayah Asia di Cyberjaya.

Pada 21 Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mengesahkan perkara tersebut memberitahu, pembuat kereta itu bercadang untuk menggunakan Pelabuhan Tanjung Pelepas di Johor bagi operasi pengedaran barangan gantinya.

Dengan keputusan tersebut, Malaysia akan menjadi pusat wilayah BMW yang ketiga selain Munich bagi wilayah Eropah dan sebuah lagi di Amerika Syarikat.

Menurut Mohamed, setakat ini pembuat kereta dari Jerman itu hanya ingin mengambil semula hak penjualan keretanya di negara ini sahaja.

Jelasnya, BMW berminat untuk melaksanakannya kerana industri penjualan kenderaan di negara ini masih belum matang dengan potensi pertumbuhan yang besar.